


SIAPAKAH ANTARA KANAK-KANAK INI AKAN BERJAYA DALAM KEHIDUPAN?



MEREKA SEMUA BOLEH BERJAYA. TAMBAHAN LAGI, MEREKA AKAN MELAKUKANNYA DENGAN CARA YANG BERBEZA.

Sebilangan kanak-kanak cemerlang dalam peperiksaan. Ada yang hanya berangan-angan tetapi menyerlah dalam bidang lain. Ada yang cepat mempelajari sesuatu. Ada yang lewat berkembang. Ada yang lebih petah bertutur daripada menulis dan ada yang boleh menulis dengan lebih baik daripada mengira. Ada pula yang menjadi cergas dalam kelas muzik, di padang bermain atau ketika membantu orang lain.

Setiap kanak-kanak mempunyai kemahiran, bakat dan minat yang berbeza. Di peringkat sekolah rendah, mereka tahu tentang diri mereka dan perkara-perkara yang dapat dilakukan oleh mereka dengan baik, tidak kira peringkat permulaan mereka. Dalam usia muda mereka, perjalanan mereka masih jauh dan potensi mereka tidak terbatas.

Perluah mereka terlalu memikirkan pentingnya mengejar keputusan akademik di peringkat ini dalam kehidupan mereka?

Atau mereka perlu melakukan perkara-perkara yang diminati dan melalui pengalaman-pengalaman yang membolehkan mereka membesar menjadi anggota masyarakat yang berfikir dan prihatin.



“

Pada masa ini, sudah terpatut kukuh pemikiran bahawa PSLE ialah peperiksaan yang mempunyai kepentingan yang sangat tinggi. Ramai orang percaya bahawa Skor-T PSLE yang diraih kanak-kanak pada usia 12 tahun menentukan kejayaan dan laluan kehidupannya. Kita tahu hal ini tidak benar. Namun, pemikiran sebegini berterusan. Sebagai ibu bapa, saya memahaminya.

Matlamat PSLE adalah untuk memahami kekuatan kanak-kanak dan membantunya mempelajari subjek-subjek tertentu pada peringkat yang sesuai di sekolah menengah. Matlamat PSLE tidak sepatutnya menjadi usaha untuk mengejar setiap markah atau membandingkan keputusan. Hal ini membawa kepada rasa kluatir sehingga mengganggu tidur, terlalu banyak kelas tuisyen dan masa yang terlalu sedikit untuk bermain dan meneroka. Semua ini ada kesan tidak baiknya.

Kita mahu anak-anak kita membesar dengan rasa ingin tahu dan cinta akan pembelajaran. Kita juga boleh menggalakkan mereka untuk mengetahui diri mereka dan perkara-perkara yang dapat dilakukan oleh mereka dengan baik dengan tidak memberikan fokus terhadap pencapaian akademik yang keterlaluan serta mengurangkan tekanan yang berkaitan dengan PSLE.

Terserah kepada kita sebagai orang dewasa untuk menentukan suasana yang sesuai untuk anak-anak kita. Marilah kita bekerjasama untuk membantu mereka mengenal pasti kekuatan mereka dan melakukan yang terbaik dengan cara mereka yang tersendiri.

”

Encik Ng Chee Meng
Pemangku Menteri Pendidikan (Sekolah-sekolah)

PERUBAHAN PENSKORAN PSLE DAN PENEMPATAN MENENGAH 1

Perubahan ini bertujuan untuk membantu kita, sebagai sebuah masyarakat, agar melihat perkara ini melangkaui markah ujian. Marilah kita bantu anak-anak kita agar mereka berasa seronok mempelajari sesuatu dan bukan kerana markah atau persaingan. Marilah kita pupuk dan hargai pelbagai aspek perwatakan anak-anak yang tidak boleh diukur. Bantulah mereka memahami bahawa markah hanyalah sebahagian daripada diri mereka.

Yang berikut ialah gambaran keseluruhan perubahan yang akan dilakukan.



DARIPADA SKOR-T KEPADA BAND PENSKORAN YANG LEBIH LUAS

Skor bagi setiap subjek akan diklasifikasikan dalam 8 band penskoran dikenali sebagai Peringkat Pencapaian (AL). Contohnya, AL1: 90-100 markah; AL8 kurang daripada 20 markah. Jumlah penuh Skor PSLE anak anda ialah jumlah campuran gred empat subjek. Sekiranya seseorang kanak-kanak mendapat AL4 bagi setiap subjek dalam 4 subjek yang didudukinya, skor PSLE nya berjumlah 16.

Subjek-subjeknya kekal: Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Bahasa Ibunda.

Kemasukan Menengah 1 akan berdasarkan skor PSLE anak anda.

Bagaimanakah perubahan ini membantu anak anda?

Skor-T membezakan keputusan kanak-kanak dengan terperinci berdasarkan setiap markah. Dalam sistem yang baharu, kanak-kanak dengan skor yang sama akan dimasukkan dalam kumpulan AL yang sama. Contohnya, sama ada seseorang murid mendapat 76 markah atau 78 markah dalam suatu subjek, murid tersebut akan tetap mendapat AL4.

Skor PSLE anak-anak akan berada dalam julat dari 4 hingga 32. Skor ini tidak dibezakan seterperinci seperti agregat Skor-T.

Pada usia muda ini, kanak-kanak tidak perlu dibezakan dengan begitu terperinci. Seseorang murid yang mendapat 1 markah lebih banyak tidak bermakna bahawa dia lebih bijak atau lebih bersedia untuk memasuki sekolah menengah daripada murid lain.

Pada jangka masa panjang, beberapa markah tidak dapat menunjukkan potensi seseorang kanak-kanak dengan tepat. Bahkan, ciri-ciri lain mungkin memainkan peranan yang lebih besar.

SKOR UNTUK MENUNJUKKAN PRESTASI MEREKA SENDIRI

Pada masa ini, skor seseorang kanak-kanak bergantung pada prestasinya yang dibandingkan dengan kohortnya. Dalam sistem yang baharu, apabila seseorang murid menunjukkan peringkat keupayaan yang memenuhi standard yang telah ditentukan secara profesional dalam mana-mana AL, dia akan menerima gred tersebut tanpa mengira pencapaian rakan-rakannya.

Gred subjek juga merupakan penunjuk tepat kekuatan kanak-kanak yang boleh membantunya untuk mengenal pasti subjek yang boleh dipelajarinya di peringkat yang sesuai di sekolah menengah.

Bagaimanakah perubahan ini membantu anak anda?

Penekanannya adalah terhadap sejauh mana anak anda telah mempelajari sesuatu dan bukannya sejauh mana kebolehannya berbanding dengan rakan-rakannya. Dia boleh memberikan fokus pada pembelajarannya sendiri dan berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam kehidupan.



URUTAN SUSUNAN PILIHAN SEKOLAH AKAN MENJADI LEBIH PENTING DALAM PENEMPATAN

Penempatan masih akan berdasarkan merit akademik dengan menggunakan Skor PSLE. Murid-murid akan menghantar senarai 6 buah sekolah mengikut urutan susunan pilihan mereka. Sekiranya 2 orang murid yang mendapat skor yang sama dipertimbangkan untuk tempat yang terakhir di sesebuah sekolah, pematah seri yang berikut akan digunakan:

- **Kewarganegaraan** (keutamaan diberikan kepada warganegara Singapura, kemudian penduduk tetap Singapura, kemudian murid-murid Antarabangsa)
- **Urutan susunan pilihan sekolah** (keutamaan diberikan kepada murid-murid yang memilih sekolah tertentu sebagai pilihan yang lebih tinggi keutamaannya)
- **Pengundian berkomputer**

Jika 2 orang warganegara Singapura mendapat Skor PSLE yang sama, murid yang memilih sesebuah sekolah sebagai pilihan pertama diberikan keutamaan berbanding dengan murid yang memilih sekolah tersebut sebagai pilihan kedua.

Bagaimanakah perubahan ini membantu anak anda?

Keputusan akademik kekal menjadi kriteria pertama untuk penempatan. Dengan susunan urutan pilihan sebagai faktor pematah seri, kami maklum bahawa pelbagai pertimbangan yang diberikan oleh keluarga apabila memilih sekolah menengah, contohnya jarak atau program-program yang ditawarkan.

Kami berharap agar murid-murid dan ibu bapa akan memberikan pertimbangan yang melangkaui mata minimum kemasukan sesebuah sekolah menengah tetapi menimbangkan juga program-program unik yang membolehkan anak anda meneruskan minat yang dimulakan oleh mereka di sekolah rendah.



PELAJAR YAKIN YANG BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI MASA DEPAN

Sekolah menyediakan pelbagai pengalaman pembelajaran yang melibatkan kesemua aspek kanak-kanak – minda, hati dan usaha. Sebahagian pengalaman pembelajaran ini direka bentuk untuk memahami dan memberikan cabaran yang sesuai kepada kekuatan dan pengetahuan mereka. Sebahagian pula bertujuan untuk memupuk nilai murni. Sebahagian lagi untuk membantu kanak-kanak mengenal pasti minat mereka dan melakukan sesuatu berdasarkan minat tersebut. PSLE hanyalah satu daripada pengalaman yang banyak lagi pelbagai ini – pengalaman-pengalaman ini ditebar sepanjang 10 tahun persekolahan yang membolehkan kanak-kanak memahami diri mereka, membesar menjadi seseorang yang berkeyakinan yang menguruskan pembelajaran sendiri dan bersedia untuk menyumbang kepada masa depan kita bersama.

MEMBENTUK PERWATAKAN, NILAI DAN CINTA AKAN SINGAPURA

PERUBAHAN PSLE ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA RANCANGAN YANG LEBIH BESAR

Sejak beberapa tahun ini, kami telah memperhalus sistem pendidikan agar kita dapat membantu murid-murid mengenal pasti bakat dan minat mereka dan pada masa yang sama bergerak daripada penekanan yang berlebihan terhadap keputusan peperiksaan. Perubahan pada PSLE dan penempatan Menengah 1 merupakan selangkah lagi ke arah matlamat tersebut.

Sejak beberapa tahun ini, kami telah:

- Mengenakan Pengambilan Masuk ke Sekolah Secara Langsung (DSA), yang menimbangkan aspek-aspek melangkaui markah dan mengambil kira bakat murid-murid
- Berhenti mengumumkan nama murid-murid yang mendapat skor tertinggi PSLE
- Berhenti mendedahkan skor tertinggi dan terendah yang tertera pada slip keputusan
- Membahagikan soalan-soalan PSLE yang mencabar kepada beberapa bahagian agar lebih ramai murid berpeluang menjawab soalan-soalan tersebut. Murid-murid masih boleh mendapat sebahagian markah dan ujian masih boleh menilai keupayaan murid memahami konsep tanpa menjejaskan ketegasan peperiksaan
- Mengeluarkan kertas-kertas PSLE tahun-tahun sebelumnya agar standard peperiksaan difahami dengan lebih baik

Pada masa yang sama, kami juga membangunkan program-program dan menyediakan peluang dalam perjalanan pendidikan murid-murid untuk memastikan agar mereka belajar dengan bermakna dan memperoleh nilai dan kemahiran yang relevan bukan sahaja daripada buku-buku teks.

Sebahagian inisiatif-inisiatif ini ialah:

Pendedahan yang lebih Luas di Sekolah Rendah

- Program Pembelajaran Aktif (PAL)
- Latihan Jasmani, Kesenian dan Muzik (PAM)
- Akademi-Akademi Sukan (JSAs)

Program Tersendiri dalam Landskap Sekolah Menengah yang Berbeza

- Program Pembelajaran Gunaan (ALP)
- Program Pembelajaran untuk Kehidupan (LLP)
- Program Seni Lukis dan Muzik (EAP, EMP)

Kurikulum Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (CCE) yang Disegar semula di Semua Peringkat

Laluan Berbilang di Semua Peringkat

- Peluang mempelajari subjek-subjek di peringkat yang lebih tinggi di sekolah menengah yang lebih lentur
- Program Asas NITEC yang Dipertingkat
- Program Asas Politeknik
- Lebih banyak universiti seperti SUTD, SIT dan UniSIM
- Pembelajaran Sepanjang Hayat melalui Pergerakan SkillsFuture

MENGALAKKAN KEMAHIRAN MENYELESAIKAN MASALAH KEHIDUPAN SEBENAR DAN BERFIKIR

MEMUPUK RASA INGIN TAHU DAN CINTA AKAN PEMBELAJARAN

MEMBINA ASAS CELIK HURUF DAN ANGKA YANG KUKUH

